

05/12/1999

Belanjawan selepas pembentukan Kabinet

LANGKAWI: Belanjawan negara hanya akan dibentangkan semula selepas Kabinet baru kerajaan Barisan Nasional (BN) dibentuk, kata Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

"Kita perlu tunggu sehingga Kabinet baru dibentuk," katanya ketika ditanya bila Belanjawan negara akan dibentangkan semula selepas ia ditangguhkan berikutan keputusan kerajaan mengadakan pilihan raya pada 29 November lalu.

Berikutan itu, usul Belanjawan yang dibentangkan sebelum ini perlu dibentangkan semula untuk mendapat kelulusan.

Bercakap kepada pemberita di Awana Porto Malai, di sini, semalam, Daim juga berkata, beliau terpaksa menerima hakikat kekalahan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed kerana berpendapat itu adalah kehendak rakyat.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengekalkan jawatan Mustapa, beliau berkata, itu terserah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daim juga menamatkan kebimbangan ahli Umno apabila mengatakan Umno tidak akan terikut-ikut dengan cara pemerintahan Pas yang berjaya membentuk kerajaan di Kelantan dan Terengganu.

"Umno akan memerintah dengan cara Umno," katanya.

Mengenai rancangannya selepas menang pilihan raya, beliau berkata, seperti biasa beliau mahu bersara secepat mungkin.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditanya mengenai hasrat Daim untuk bersara secepat mungkin, berkata `secepat mungkin' bagi beliau mungkin mengambil masa lima atau 10 tahun mulai sekarang.

(END)